



KENYATAAN MEDIA

MAKLUMBALAS JABATAN PERIKANAN MALAYSIA MENGENAI ISU COVID 19 **PADA IKAN SALMON DI CHINA**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberi maklumbalas terhadap laporan kes baharu COVID 19 ditemui di atas papan pemotong yang digunakan bagi membersihkan ikan salmon di Wilayah Beijing, China pada 13 Jun 2020 lalu.
2. Penemuan virus tersebut telah memberi impak besar terutamanya kepada pasar borong yang menjual serta melakukan pemasaran import dan eksport. Bahagian Biosekuriti Perikanan akan memantau perkara ini dari masa ke semasa.
3. Sehubungan itu, DOF mengambil perhatian terhadap isu tersebut serta mengadakan perbincangan bersama pihak MAQIS bagi langkah-langkah keselamatan dengan memantau dan mengenalpasti **sampel ikan yang diimport dari luar negara.**
4. Pihak DOF juga akan berbincang dengan KKM untuk mengenalpasti **makmal yang boleh menjalankan analisa virus COVID 19 terhadap sampel ikan.** Sampel ikan akan diambil dari pasar tempatan seluruh negara.
5. Susulan dari kes di Beijing, pada ketika ini, virus tersebut masih belum dapat dibuktikan lagi bahawa penularan itu berpunca dari ikan Salmon atau berlaku pemindahan virus COVID 19 dari pengendali ikan di pasar borong tersebut.
6. Walaupun masih belum terbukti bahawa ikan boleh menjadi pembawa virus COVID 19, DOF menasihatkan agar pengguna sentiasa mengambil langkah keselamatan sewaktu pengendalian bahan makanan termasuk ikan seperti membersihkan ikan dengan betul dan **memasak pada suhu yang tinggi** bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID 19.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya
16 Jun 2020 (Selasa) jam 10:00 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (En. Ahmad Faizal)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my

Maklumbalas Jabatan Perikananmalaysia mengenai Isu Covid 19
Pada Ikan Salmon Di China